

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XXII)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG
YB. LIM SIEW KHIM**

21. Berapakah kos projek kontrak pembersihan di PPR Jalan Sungai, Pulau Pinang di bawah pengurusan Persatuan Komuniti Penduduk Jalan Sungai (PKPJS)?
- (a) Apakah kriteria tertentu pertubuhan tersebut?
 - (b) Apakah pemantauan oleh Kerajaan Tempatan ke atas prestasi tahap pembersihan? Sila jelaskan dengan terperinci.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

21. Kos bagi kontrak pembersihan di PPR Jalan Sungai di bawah pengurusan Pertubuhan Komuniti PPR Jalan Sungai (PKPJS) adalah sebanyak RM10,226.51 sebulan. Idea untuk menyerahkan kontrak pembersihan kepada PKPJS ini adalah keberhasilan daripada program Bajet Responsif Gender (BRG) di bawah Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) dan MBPP.
- (a) Pertubuhan Komuniti PPR Jalan Sungai merupakan pertubuhan yang bertanggungjawab bagi menguruskan projek pembersihan PPR Jalan Sungai. Kriteria bagi pertubuhan tersebut ialah perlu berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan juga Kementerian Kewangan Malaysia. Salah satu syarat utama bagi pertubuhan ini ialah pekerja pembersihan hendaklah dalam kalangan penduduk setempat di mana secara tidak langsung dapat membantu komuniti di PPR ini.

- (b) Pemantauan akan dibuat dan laporan bulanan mengenai kerja-kerja pembersihan yang dijalankan akan disediakan oleh MBPP sebelum sebarang pembayaran bulanan dibuat. Tindakan pemotongan bayaran akan diambil sekiranya mutu kerja tidak memuaskan dan juga aduan awam diterima. Hasil pemantauan dan pemeriksaan MBPP mendapati tahap kebersihan di PPR Jalan Sungai telah mengalami perubahan yang sangat baik dan lebih bersih berbanding sebelum ini setelah kerja-kerja perkhidmatan pembersihan diambil alih oleh Pertubuhan Komuniti PPR Jalan Sungai ini.